

05 JUN 1998

Ghapur

GHAPUR NAFI SERTAI PEMBANGKANG

TAWAU, 5 Jun (Bernama) -- Bekas Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah Datuk Abdul Ghapur Salleh hari ini menafikan desas-desus kononnya beliau akan menyertai pembangkang dan menyifatkan desas-desus berkenaan sebagai usaha pihak-pihak tertentu yang berniat memecah-belahkan Umno.

"Saya tidak akan meninggalkan Umno kerana saya yakin hanya Umno yang mampu membela nasib golongan Bumiputera di Sabah dan saya akan berjuang dan mencurahkan bakti kepada Umno," katanya ketika ditemui pemberita di sini.

Beliau berkata sejak beliau mengambil keputusan untuk menarik diri daripada menganggotai Kabinet negeri, pelbagai pihak terutamanya pembangkang, telah menimbulkan spekulasi berhubung masa depan politiknya.

Beliau turut menasihati anggota Umno agar tidak terpengaruh dengan spekulasi sedemikian sebaliknya berusaha untuk mengukuhkan lagi jentera parti bagi menentukan kemenangan pada pilihan raya negeri akan datang.

Mengenai keputusan untuk menarik diri daripada Kabinet negeri, Ghapur berkata, beliau sudah berhasrat berbuat demikian sejak Disember tahun lepas lagi dengan meletakkan jawatan dalam kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau telah menarik balik keputusannya itu pada awal Januari tahun ini.

Menurutnya, beliau kemudian menulis surat kepada Dr Mahathir pada April lalu untuk memaklumkan bahawa beliau (Ghapur) tidak berhasrat untuk memegang jawatan itu dan ini telah dipersetujui oleh Perdana Menteri.

-- BERNAMA

IL oba